

15/09/2003

`Ada yang paranoid mahu jadi presiden'

Misiah Taib

KEPUTUSAN Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, meletak jawatan sebagai Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) pada 25 Jun lalu, mengejutkan banyak pihak. Ini kerana beliau adalah salah seorang pengasas parti komponen Barisan Nasional (BN) ketiga terbesar di Sarawak dan menerajui parti itu sejak penubuhannya pada 26 Julai 1983. Walaupun kira-kira dua tahun lalu, beliau pernah membayangkan hasratnya untuk tidak bertanding dalam Perhimpunan Agung PBDS 2003, namun tidak siapa menjangka beliau meletak jawatan.

Bagaimanapun pada 11 Julai 2003, iaitu selepas pencalonan untuk pemilihan parti pada perhimpunan 26 dan 27 Julai lalu berakhir, kumpulan Tajem diumumkan sebagai pemenang semua jawatan dalam PBDS tanpa bertanding apabila kumpulan pimpinan Masing diketepikan daripada proses pencalonan atas alasan cawangan yang menyokongnya dikatakan tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Wartawan Berita Harian, Misiah Taib, mengadakan wawancara eksklusif dengan Moggie yang sebelum ini lebih banyak berdiam diri dan enggan mendedahkan kepada media mengenai krisis sebenar yang melanda parti, dengan harapan ia dapat diselesaikan secara dalaman tanpa dihebohkan kepada media.

BH: Sebagai pengasas PBDS 20 tahun lalu, apakah perasaan Datuk melihat parti yang Datuk terajui sejak penubuhannya, mengalami krisis dalaman terburuk pada ketika ini?

Moggie: Terus terang, saya rasa sangat sedih. Masalah yang melanda parti sekarang sebenarnya tidak perlu. Malangnya ada orang yang terlalu `paranoid' hendak jadi presiden. Mereka sanggup melakukan apa saja asal dapat mencapai matlamat itu. Sudah selesai pemilihan dalam parti pun, masih banyak cerita di sana-sini. Saya rasa amat sedih... benar-benar sedih. Ia benar-benar masalah yang tidak perlu.

BH: Apakah Datuk rasa punca sebenar masalah yang melanda PBDS sekarang?

Moggie: Mungkin orang lain membuat penilaian berlainan. Pada pandangan saya puncanya ialah orang yang ghairah sangat nak jadi presiden. Itulah puncanya. Tak ada punca lain. Kalau kita lihat daripada mula dulu selepas perhimpunan parti tahun 2000, memang sudah berlaku keretakan dalam parti. Saya cuba pada masa itu hendak memberi peluang kepada mereka (dua kumpulan yang bertelagah) untuk bekerjasama semula dan saya pun melantik orang yang tidak dipilih pada perhimpunan itu untuk memegang jawatan tertentu (Masing antara yang tewas tetapi dilantik sebagai Ketua Penerangan) dalam parti dan dalam kerajaan negeri. Harapan saya pada waktu itu ialah dalam beberapa tahun selepas itu mungkin mereka boleh melupakan perselisihan faham pada tahun 2000... itu harapan saya.

Malangnya ini tidak berlaku. Mula-mula saya nampak ada bayangan mereka boleh bekerjasama. Namun, selepas itu tidak dapat. Pada penghujung 2001, saya memberi bayangan bahawa saya tidak akan menerima pencalonan untuk bertanding jawatan presiden dalam pemilihan 2003. Saya beritahu ketika itu dengan harapan memberi peluang dua tahun untuk mereka menimbang siapa yang patut menggantikan saya. Itu tujuan saya. Namun ada golongan yang salah tafsir dan pada awal 2002, mereka pun berkempen di sana-sini, sehingga ada yang mengatakan adalah lebih baik kalau saya meletak jawatan pada masa itu juga.

BH: Apa tindakan Datuk selepas mengetahui mengenai kempen yang diadakan itu?

Moggie: Selepas itu saya menjemput beberapa pemimpin dan naib presiden parti termasuk Tajem, Masing dan Sng. Saya beritahu mereka, kalaulah mereka berhajat supaya saya meletak jawatan, lebih baik mereka beritahu saya dulu dan janganlah berkempen dari bawah. Saya menasihati mereka, perbuatan itu tidak baik dan saya mengatakan, saya tidak akan meletak jawatan, saya akan mengekalkan jawatan, tetapi saya mengesahkan sekali lagi saya tidak akan menerima pencalonan untuk 2003. Saya mengatakan dengan jelas kepada mereka. Pada masa itu juga, saya meminta pandangan mereka, siapakah patut mengganti saya.

Masing yang sebenarnya mencadangkan apabila saya sudah tidak lagi menjadi presiden adalah lebih baik Tajem menggantikan saya. Dia yang cadang pada masa itu. Saya lupa tarikh pertemuan itu tapi dalam enam bulan pertama 2002. Tajem pun kata, jika orang bersetuju dia jadi pengganti, beliau pun bersedia jadi pengganti. Jadi saya kata kalau begitu biarlah Tajem jadi calon presiden dan jangan ada orang mencabar beliau pada pemilihan 2003 dan saya juga kata lebih baik Masing jadi timbalan dan jangan ada orang mencabar beliau juga. Semua yang hadir bersetuju dan itulah persefahaman yang kita capai pada 2002.

Itulah keadaan sebenar. Banyak cerita timbul sekarang termasuklah 'Formula Miri' dan sebagainya. Saya tidak jelas sangat apa formula itu kerana saya tidak ada bersama mereka ketika formula itu muncul. Tapi kalau tidak silap saya, formula itu menyebut Tajem jadi presiden dan Masing jadi timbalan.

BH: Bila mereka mula bercakap mengenai Formula Miri dan bagaimana keadaan selepas Datuk menasihati mereka?

Moggie: Mereka bercakap mengenainya sebelum saya berjumpa dia orang. Sebelum berlakunya kempen di sana sini. Saya jumpa mereka di Kuala Lumpur. Dalam perjumpaan mereka di Miri sebelum itu, saya tidak terbabit.

Saya menasihatkan mereka supaya tidak lagi berkempen di sana sini. Beberapa bulan selepas persefahaman dicapai, keadaan nampak tenang sedikit. Namun pada penghujung 2002, timbul lagi cerita orang kempen di sana sini tetapi tidak secara terbuka sangat. Pada Februari 2003 keadaan dilaporkan semakin serius. Masing mendakwa akar umbi mahu beliau jadi presiden dan Sng sebagai timbalannya dan mereka berdua berkempen di sana sini. Mereka mendakwa kebanyakan cawangan sukakan mereka berdua.

Saya cuba sekali lagi mencari jalan untuk mendamaikan mereka dan mengelak berlaku pertandingan bagi jawatan teratas dalam parti. Antara Februari dan Mac lalu, saya cuba nak menjemput Masing, Tajem dan pemimpin lain untuk bertemu sekali lagi bagi berbincang dan mencari jalan penyelesaian terbaik. Mula-mula Masing bersetuju untuk bersama-sama berbincang bagi mengelak pertandingan. Tapi sebelum tarikh yang ditetapkan untuk kita berjumpa di Kuala Lumpur, Masing memberitahu beliau tidak dapat datang kerana ada lawatan kerja ke Australia dan hanya dapat berjumpa sekembalinya dari Australia.

Ketika menghubungi beliau (Masing) untuk mengadakan pertemuan itu, saya turut menasihati beliau supaya tidak membuat terlalu banyak publisiti sebelum kami berpeluang berbincang.

Malangnya dua hari sebelum beliau ke Australia, Masing yang pada mulanya bersetuju berbincang sekembali dari luar negara, mengadakan sidang akhbar bersama Sng di mana beliau mengumumkan secara rasmi akan bertanding jawatan presiden dan Sng bertanding jawatan timbalan presiden. Dengan itu, peluang untuk kita mencari jalan berbincang pun sudah beliau sekat. Sekembalinya beliau dari Australia, mereka mengatitkan sambutan secara besar-besaran, seolah-olah beliau presiden parti.

BH: Adakah Datuk cuba menghubungi Masing lagi selepas itu untuk meminta penjelasan.

Moggie: Ada. Beliau cuma memaklumkan bahawa beliau tidak dapat menepati

janji untuk menghadiri perbincangan pada makan tengah hari sekembalinya dari Australia seperti yang kami tetapkan. Selepas itu, saya tidak ada peluang hendak bercakap secara terus dengan beliau lagi. Dari situ semakin jelas pada pandangan saya, betapa Masing berkeras mahu menjadi presiden dan sanggup melakukan apa saja.

BH: Nampaknya Datuk sudah berusaha selama tiga tahun untuk menyelamatkan parti daripada berpecah dua tetapi gagal?

Moggie: Ya, saya tak berjaya. Ini kerana sebelah pihak tidak mahu menerima cara kita. Mereka memisahkan diri dan sanggup melakukan apa saja untuk mengejar jawatan yang mereka idamkan, sehingga sanggup mengorbankan parti. Apa yang lebih menyedihkan saya ialah Masing tidak mahu memegang persefahaman yang beliau sendiri persetujui. Saya benar-benar sedih dan kecewa, sebab itulah saya meletak jawatan.

Tapi sehari sebelum saya meletak jawatan iaitu pada 24 Jun, saya menulis surat kepada semua ahli Majlis Tertinggi (MT) yang saya lantik untuk menamatkan pelantikan mereka. Alasan saya mudah, mereka dilantik oleh saya ketika saya menjadi presiden dan bila saya bercadang nak melepas jawatan, sewajarnya saya menamatkan pelantikan mereka dan terserah kepada pengganti saya melantik siapa nak beliau lantik. Itulah yang berlaku.

BH: Jadi punca Datuk meletak jawatan bukan kerana ada ura-ura pihak tertentu hendak mengadakan undi tidak percaya terhadap Datuk?

Moggie: Memang benar ada khabar angin mengenai perkara itu. Saya tidak tahu benar atau tidak. Tapi sebab saya meletak jawatan bukan kerana itu. Ia kerana saya amat kecewa dan saya rasa diri saya telah dikhianati. Bila kita berbincang dalam parti, nampak semua bersetuju tapi bila di belakang, lain pula ceritanya. Kita telah menanam bibit persefahaman tapi selepas itu ada yang mengkhianatinya. Mereka tidak boleh menerima apa yang tidak berpihak pada mereka.

BH: Bagaimana reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Pengerusi BN apabila Datuk memaklumkan kepada mereka yang Datuk hendak meletak jawatan dari parti?

Moggie: Mula-mula mereka terkejut sedikit. Tapi selepas saya memberi penjelasan, mereka kata mereka faham dan menerima keputusan saya.

BH: Bagaimana pula dengan harapan BN Pusat supaya krisis PBDS diselesaikan dalam parti. Tapi sekarang nampaknya masalah tidak boleh selesai sehingga terpaksa dirujuk kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS). Apa pandangan Datuk?

Moggie: Saya lihat Masing yang tidak mahu ia diselesaikan dalam parti, melainkan pemilihan semula diadakan atau dia yang diiktiraf sebagai presiden. Pemilihan parti pada 26 dan 27 Julai lalu diadakan mengikut perlembagaan parti. Kita tidak boleh mengubah peraturan parti untuk kepentingan diri. Kenyataan Masing sering kali bercanggah dengan peraturan parti. Beliau terlalu 'paranoid' dan nampak ada elemen yang Masing merasakan dirinya tidak selamat. Pada hal beliau tidak perlu berasa begitu. Saya pasti jika beliau bersabar sedikit, beliau akan mendapat jawatan nombor satu dalam parti selepas Tajem, tanpa perlu memecahkan parti. Beliau memang pemimpin yang kita 'groom'. Dengan keadaan sekarang, susahlah nak jadikan beliau pengganti. Memang malang bagi beliau dan parti.

BH: Mengapa Datuk mengambil masa terlalu lama untuk membuat pendedahan ini, hampir tiga bulan selepas Datuk meletak jawatan?

Moggie: Saya menunggu kerana saya berharap mereka dapat berusaha menyelesaikan masalah sendiri, dalam parti. Tapi nampaknya tidak dapat. Saya juga tampil, kerana banyak sangat cerita keluar dalam akhbar, sesetengahnya tidak betul. Mereka yang mengeluarkan kenyataan di akhbar juga tahu ia tidak betul. Ini mengelirukan ahli parti di peringkat akar

umbi. Saya melihat mungkin keadaan ini sengaja dibuat sebagai alasan untuk memulakan parti baru. Saya ada dengar ura-ura bahawa mereka sudah mula mendaftar ahli. Mereka melakukan apa saja cara untuk memastikan ROS membatalkan pendaftaran PBDS supaya mereka berpeluang menubuh parti baru. Sebab itu, saya buat pertama kalinya bersetuju bila Tajem menjemput saya membuat penjelasan kepada ahli di Nangga Bejait, 6 September lalu. Sebagai pengasas PBDS saya tidak mahu parti ini dimansuhkan dan saya akan berusaha mempertahankan parti yang kami sayangi.

BH: Benarkan kononnya pemimpin BN pada peringkat negeri Sarawak menyebelahi kumpulan Masing?

Moggie: Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud sendiri sudah banyak kali menyebut beliau tidak terbabit. Kadang-kadang, orang nak cari sokongan, macam-macam cerita mereka buat. Kita tidak ada bukti pemimpin BN Sarawak atau parti komponen lain terbabit. Jadi kita tidak boleh menuduh mereka. Saya tahu memang kumpulan Masing mendakwa mendapat sokongan kerajaan negeri, tapi itu hanya dakwaan mereka, tanpa sebarang bukti.

BH: Bagaimana Datuk lihat masalah yang melanda PBDS. Apakah jalan untuk menyelesaikannya dalam parti sudah tertutup rapat?

Moggie: Saya fikir masih ada cara nak menyelesaikannya, asalkan kedua-dua pihak yang bertelagah sanggup berunding, berkompromi. Saya lebih suka ia dirunding secara dalaman tanpa diheboh-hebohkan. Tapi ini terpulang kepada kesediaan kedua-dua pihak untuk menentukannya. Dalam masa sama kumpulan Masing perlu menerima hakikat bahawa Tajem dan ahli MT yang terpilih pada perhimpunan baru-baru ini adalah sah dari segi undang-undang. Ini tidak boleh dipertikaikan. Dari segi politik, kalau Masing tidak mahu terima Tajem sebagai presiden, itu perkara lain, tapi dari segi kesahihan, pada pandangan saya Tajem memang presiden yang sah. Kalau pun Masing hendak sangat jawatan presiden, beliau boleh bertanding apabila pemilihan diadakan tiga tahun lagi.

BH: Bagaimana kedudukan Datuk sendiri dalam parti selepas ini?

Moggie: Saya sayangkan PBDS dan saya akan terus jadi ahli biasa dalam parti.

BH: Kedudukan Datuk sebagai Ahli Parlimen dan kedudukan dalam Kabinet?

Moggie: Itu soalan lain, kita tidak boleh cerita dulu, kita cerita masa lain pula.

BH: Datuk tidak kesal melepaskan jawatan presiden parti?

Moggie: Tidak. Saya tidak pernah kesal. Memang saya cadang nak lepaskan jawatan sejak dua tahun lalu. Saya pegang pendirian yang telah saya buat. Kredibiliti amat penting. Saya buat kenyataan di hadapan mereka (pemimpin PBDS yang lain), malah sebelum pemilihan 2000 lagi, saya pernah memberi bayangan saya tidak mahu bertanding tapi semua MT minta saya supaya terus menerajui parti. Selepas itu saya telah membuat keputusan untuk tidak bertanding pada 2003. Saya pegang janji saya.

BH: Apakah krisis dalaman PBDS sekarang cabaran terbesar sepanjang Datuk menerajui parti?

Moggie: Bukan cabaran bagi saya. Saya sendiri tidak kena cabar kerana banyak orang yang minta saya jangan meletak jawatan bila perkara ini berlaku. Tapi saya kata saya tetap nak melepaskan jawatan. Apa yang mengecewakan saya ialah kedudukan PBDS sendiri terjejas kerana perkara yang tidak pasal-pasal. Tidak ada alasan yang logik untuk meletakkan PBDS dalam keadaan sekarang.

BH: Apakah Datuk rasa krisis sekarang akan menjejaskan persiapan PBDS menghadapi pilihan raya umum akan datang?

Moggie: Sedikit sebanyak memang ada memberi kesan. Tapi saya fikir ia tidak akan sampai menjejaskan kedudukan BN. Saya faham dari segi pendirian pengundi di Sarawak, mereka kekal berpegang atas pendirian BN. Asalkan calon itu daripada BN, peluang mereka untuk menang memang cerah. Jadi dari

segi populariti seorang individu itu walaupun popular secara individu, tapi kalau pergi ke pilihan raya dan menentang seorang calon BN, saya fikir susah juga bagi orang itu untuk menang. Pengundi di Sarawak lebih mengutamakan calon parti daripada calon sendiri. Namun kita perlu memberi penjelasan kepada akar umbi mengenai masalah sebenar.

BH: Apa harapan Datuk?

Moggie: Saya harap penyokong PBDS tidak dikelirukan oleh orang yang berhajat sangat hendak menjadi presiden sehingga sanggup melakukan apa saja. Kalau itu caranya, pasti parti akan mendapat susah. Kita harus mematuhi peraturan dan perlembagaan parti demi kepentingan PBDS khususnya dan BN secara umumnya.